

TARIKH : 19 OKTOBER 2022
AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 28

Jumlah miskin tegar susut

Jumlah miskin tegar susut

Kejayaan PICK, pengenalan lapan pakej rangsangan pulih semula ekonomi

Oleh Mohd Zaky Zainuddin
zaky@bh.com.my

Kuala Lumpur: Jumlah miskin tegar berkurangan kepada 129,395 isi rumah setakat 30 September 2022 berbanding 260,000 yang dicatatkan pada 31 Oktober tahun lalu, ketika negara terkesan dengan COVID-19 yang memberi impak besar kepada jurang sosio-ekonomi.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi), Datuk Seri

Mustapa Mohamed, berkata penurunan jumlah isi rumah miskin tegar didorong pemulihan secara beransur-ansur ekonomi negara berikutan kejayaan pelaksanaan Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) dan pengenalan lapan pakej rangsangan ekonomi.

"Komitmen Malaysia untuk membasmi kemiskinan bermula sejak 1971 dengan pelancaran Dasar Ekonomi Baru (DEB). Dasar ini berjaya mengurangkan kemiskinan tegar daripada 49 peratus pada 1970 kepada 17 peratus pada 1990.

"Ia diteruskan lagi dengan Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12) dilancarkan tahun lalu yang memperbaharui fokus untuk menangani kemiskinan di Malaysia," katanya ketika menyampaikan ucapan pada perasmian Hari Antarabangsa Bagi Membasmi Kemiskinan 2022 dengan tema Membina Komuniti Mampan di Kuala Lumpur, semalam.

Program pembasmian

Mengulas lanjut, Mustapa berkata, antara sasaran penting yang ditetapkan dalam RMK-12 adalah membasmi kemiskinan tegar menjelang 2025 menerusi pelaksanaan Program Basmi Kemiskinan Tegar Keluarga Malaysia (BMTKM) yang dilaksanakan Unit Perancang Ekonomi (EPU) dan Unit Penyelaras Pelaksanaan (ICU) Jabatan Perdana Menteri.

"Kejayaan pelaksanaan program ini bergantung kepada kerjasama dengan kerajaan negeri, pejabat daerah dan rakan strategik. Sebagai menteri yang mengetuai EPU, saya juga sudah memulakan 'Poverty Circle', iaitu perbincangan meja bulat untuk menghimpunkan pemegang taruh utama bagi membincangkan langkah untuk membasmi kemiskinan.

"Program membasmi kemiskinan di Malaysia bukanlah sesuatu yang baharu, namun BMTKM

menyasarkan untuk mencapai matlamat kami dalam membasmi kemiskinan tegar menjelang 2025 menerusi pendekatan menyeluruh di seluruh negara dengan menampilkan pemantauan berkala.

"Pelaksanaan semua penyelesaian juga akan digantikan dengan langkah yang bersesuaian bagi setiap lokaliti. Menerusi BMTKM, kami melaksanakan pelbagai agenda, termasuk penjana pendapatan, pembinaan kapasiti, pembangunan keusahawanan, peluang kerja dan pemasaran di media sosial," katanya.

Menurut Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), sekitar 20 peratus isi rumah M40 beralih ke nilai ambang pendapatan B40 pada 2020 disebabkan pandemik. Daripada 2.91 juta isi rumah B40 pada 2019, sejumlah 68 peratus isi rumah B40 menetap di kawasan bandar, manakala baki 32 peratus lagi berada di komuniti luar bandar.